

# Bakti Siswa UPM di Felda Ijok

SERAMAI 57 penuntut Kursus Bakti Siswa (QKK 2101) dengan kerjasama Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mengadakan khidmat masyarakat "Program Siswa @ Kampung" di Felda Ijok, Selama, Perak.

Program usaha sama antara UPM dan KPDNKK adalah untuk menjayakan pembangunan modal insan serta menghebahkan aspek pembangunan pengguna dan masyarakat.

Ketua program, Muhamad Hasyim Ibrahim berkata, fokus utama adalah untuk memberikan pendidikan, pendedahan dan pengetahuan bagi memberi kesedaran mengenai tanggungjawab serta hak sebagai pengguna kepada penduduk kampung.

"Peranan terhadap tanggungjawab dan hak harus

dimainkan oleh semua pihak bagi menjamin satu bentuk masyarakat yang boleh mendukung wadah dan perjuangan bangsa masa akan datang," katanya.

Sementara itu, seorang peserta, Nur Hidayati Jamil, 19, berkata program sebegini wajar diwajibkan kepada semua penuntut tahun pertama di peringkat ijazah agar penuntut dapat didedahkan dengan kehidupan sebenar.

"Pada masa sama program ini mampu untuk mengasah kemahiran insaniah penuntut untuk berkomunikasi dengan masyarakat luar.

"Saya berharap program outreach sebegini berterusan bukan sahaja kepada kelompok warga tua dan dewasa sahaja, tetapi melibatkan semua peringkat umur dan bangsa," katanya.

Turut hadir merasmikan program, Penasihat Agama kepada Menteri Besar Perak, Datuk Najmuddin Elias Al-Hafiz.